

Pembangking, penganalisis perlu iktiraf lonjakan daya saing negara dalam WCR 2025



Dekan Ghazali Shafie
Graduate School of Government
(GSGSG), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof. Dr. Rusdi Umar
bhrencana@bh.com.my

Laporan Penarafan Daya Saing Dunia 2025 (WCR) diterbitkan Institut Pembangunan Pengurusan Antarabangsa (IMD) mencatat pencapaian membanggakan buat Malaysia apabila melonjak 11 anak tangga ke kedudukan ke-23 daripada 69 negara. Ini pencapaian terbaik Malaysia sejak 2020 dan menunjukkan hasil nyata daripada pelaksanaan reformasi Kerajaan MADANI. Kenaikan ini turut menjadikan Malaysia sebagai negara mencatat peningkatan tertinggi bagi tahun ini, mengatasi Lithuania yang naik sembilan tangga (ke-21) dan Kanada yang mendaki lapan tangga (ke-11).

Empat aspek utama dinilai dalam laporan ini memaparkan pelbagai peningkatan.

Dari segi prestasi ekonomi, Malaysia melonjak ke kedudukan keempat dunia. Subaspek perdagangan antarabangsa berada pada kedudukan keenam, menandakan kejayaan dalam usaha memperkembangkan pasaran eksport barangan dan perkhidmatan, kepelbagaian pasaran dan peningkatan hasil pelancongan.

Subaspek harga berada di tempat kedua dunia, membuktikan pengurusan harga yang stabil dan berdaya saing sekali gus memberi keyakinan kepada pelabur. Subaspek pekerjaan pula naik ke tangga ke-18, mencerminkan pasaran buruh yang kukuh.

Kecekapan kerajaan menunjukkan kedudukan ke-25 dengan beberapa subaspek seperti dasar percutaan berada di kedudukan ke-11 membuktikan dasar fiskal negara adalah kompetitif.

Walaupun perundangan perniagaan dan kewangan awam masing-masing berada di tangga ke-50 dan ke-35, inisiatif seperti reformasi kementerian birokrasi melalui lebih 1,000 projek serta koordinasi melalui Jawatankuasa Daya Saing Negara juga menyumbang kepada peningkatan ini.

Kecekapan perniagaan pula mencatat kedudukan ke-32, menunjukkan prestasi lebih baik berbanding tahun lalu, dengan cabaran utama kekal pada aspek produktiviti dan kecekapan (53) serta amalan pengurusan (42). Namun, usaha berterusan melalui kerjasama sektor swasta dan penyelarasan strategik menyumbang kepada peningkatan kedudukan keseluruhan.

Infrastruktur berada di kedudukan ke-35, namun terdapat peningkatan dalam subaspek pendidikan (ke-41). Pelaburan berterusan dalam pelan perindustrian, pendidikan tinggi, teknologi dan peralihan tenaga dijangka memberi kesan positif dalam tempoh sederhana.

Menarik bahawa pencapaian Malaysia ini mengatasi beberapa negara maju dan sedang membangun seperti Belgium pada kedudukan ke-24; Republik Czech (25); Austria (26); Oman (27); United Kingdom (28); Korea Selatan (29); Thailand (30); New Zealand (31); Perancis (32); Estonia (33); Kazakhstan (34) dan Jepun (35).

Malaysia bukan sahaja kembali mengatasi Thailand dan Korea Selatan, bahkan membuktikan potensi sebenar sebagai peneraju daya saing serantau.

Walaupun begitu, masih diingat ketika kejatuhan dalam WCR 2024, apabila Malaysia jatuh dari tang-

ga ke-27 ke ke-34, Kerajaan MADANI berhadapan dengan kritikan keras daripada pembangkang dan penganalisis.

Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika itu menyifatkan penurunan berkenaan sebagai 'tamparan hebat kepada Perdana Menteri dan seruan lantang (clarion call) untuk beliau berhenti menjadi kaki retorik dan maha putar (master spinner)' selain mendakwa 'Malaysia tidak berada pada landasan ekonomi yang betul'.

PAS Selangor pula menuduh kejatuhan itu membuktikan kegagalan Ekonomi MADANI, khususnya 'membuktikan bahawa terdapat banyak masalah fundamental dan struktur dalam pelaksanaan Ekonomi MADANI'.

Iktan Demokratik Malaysia (MUDA) juga menuntut penjelasan segera daripada Perdana Menteri dan menyatakan rasa bimbang bahawa pemimpin Kerajaan Perpaduan lebih fokus terbahut dalam politik tidak nampak berbanding memberi fokus kepada isu penting dalam hal ehwal negara.

Bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, dalam podcastnya pula berkata: "Yang paling mengejutkan, kita pertama kali berada di kedudukan yang lebih rendah daripada Indonesia dan Thailand dan sebelum ini negara pernah berhadapan dengan kejatuhan ranking, namun tidak mendedak."

Bekas Ketua Penerangan UMNO, Shahril Sufian Hamdan, menyifatkan Kerajaan MADANI yang menjadikan WCR itu sebagai antara tujuh petunjuk prestasi utama (KPI) mereka sendiri sudah gagal.

Pakar ekonomi, Prof. Tan Sri Datuk Seri Dr. Noor Azlan Ghazali, pula berkata trend menurun ini sangat jelas dan bertentangan dengan salah satu dari sasaran Ekonomi MADANI yang diumumkan pada 2023.

Tulis beliau, "Malaysia jatuh dari tangga ke-27 ke tangga ke-34 pada tahun lalu, kedudukan terendah

Malaysia sejak 2010. Yang lebih merisaukan saya ialah trend jangka panjang yang jelas menggambar Malaysia dalam tren menurun atau lebih tepat jatuh merudum."

Namun, selepas kedudukan Malaysia melonjak semula ke tangga ke-23 pada 2025, lebih baik daripada kedudukan semasa era Muhyiddin - persoalannya, apakah pula yang akan dipertanyakan pembangkang dan penganalisis?

Jika kejatuhan digunakan sebagai bukti kegagalan, apakah lonjakan tidak patut dianggap bukti kejayaan?

Usaha Kerajaan MADANI membuahkan hasil. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam kenyataan beliau menyebut lonjakan membanggakan dalam WCR 2025 ini petunjuk jelas usaha reformasi Kerajaan MADANI sedang membuahkan hasil.

Beliau menggariskan tekad politik, kerjasama jentera kerajaan dan sokongan sektor swasta sebagai faktor utama kejayaan ini.

Beliau turut menambah kejayaan ini milik semua rakyat Malaysia dan menjadi landasan kukuh bagi meletakkan Malaysia dalam kelompok 12 negara paling berdaya saing menjelang 2033.

Sebagai kesimpulan, lonjakan Malaysia dalam WCR 2025 menandakan permulaan baharu kepada reputasi daya saing negara, ia menunjukkan langkah pembetulan dan reformasi sedang berjalan mampu mengubah persepsi global dan memberikan hasil positif nyata.

Pujian harus diberikan kepada kerajaan berani melakukan pembaharuan walau berdepan tekanan politik dan sewajarnya pihak pernah mengkritik kini mengiktiraf kejayaan ini dengan kejujuran intelektual.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

